

ANGGOTA TENTERA AKAN JALANI LATIHAN TAHAN LASAK

SEREMBAN 21 Okt. — Seramai 600 anggota tentera dari berbagai unit di bawah perintah Briged Pertama, Infantri Malaysia di sini akan mengambil bahagian dalam latihan tahan lasak sejauh 20 batu lsin ini.

Pegawai Perhubungan Raya Briged tersebut, Kapten Rahim bin Yusof memberitahu hari ini anggota-anggota tersebut akan dibahagikan kepada 23 pasukan iaitu 11 pasukan unit besar dan 12 unit kecil.

Sijil

Semua anggota yang akan mengambil bahagian akan berpakaian lengkap peperangan dan akan memulakan latihan dari Batu 12 Jalan Port Dickson dan berakhir di Lapangasar, Menyar, PD Garison. Di Lapangasar itu anggota-anggota tersebut akan meneruskan latihan menembak pula.

Kapten Rahim menyatakan tujuan latihan tersebut ialah untuk mengkaji kecergasan dan ketahanan lasak anggota tentera dalam menempuh hutan dan bukit seperti yang ada di negara ini.

Panglima Briged Pertama Brigedier Jeneral Datuk Esa bin Ahmad akan menyampaikan piala pusingan kepada pasukan-pasukan pemenang dan sijil kepada anggota yang berjaya menamatkan latihan tersebut.

Majuikan jelaskan tentang kerang mati

LEMBAGA Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) menjelaskan hari ini bahawa cuma kerang yang diusahakan oleh nelayan di kawasan seluas 10 ekar saja yang mati di Sungai Juru baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan MAJUIKAN kematian tersebut berpunca dari kekurangan air masin yang disebabkan oleh hujan lebat yang berpanjangan baru-baru ini.

Berita mengenai kematian kerang-kerang itu telah disiarkan di akhbar-akhbar dan berikutan dengan itu Majuikan telah membuat kajian mengenainya.

Bantuan

Menurut kenyataan itu kesemua kerang yang ditenak di tepi pantai sama ada yang diusahakan oleh Majuikan atau oleh Unit Koperasi Nelayan tidak terjejas di dalam kematian tersebut.

Kerang-kerang yang mati adalah ditenak oleh nelayan di dalam kawasan sungai Kuala Juru, katanya.

Kawasan perusahaan kerang yang berhampiran dengan Kompleks Perindustrian Prai di Kuala Juru adalah dianggarkan seluas 85 ekar dan dari jumlah tersebut 30 ekar diusahakan oleh Majuikan, 45 ekar diusahakan oleh Unit Koperasi Nelayan dengan bantuan Majuikan sementara 10 ekar lagi diusahakan oleh nelayan di dalam kawasan sungai itu, terang kenyataan itu.

Kenyataan itu menambah, kematian kerang yang ditenak di Sungai Jejawi dan Sungai Tengah yang dilaporkan

KUALA LUMPUR 21 OKTOBER

baru-baru ini adalah berpunca dari sebab yang sama.

Kedua-dua kawasan tersebut tidak mempunyai kawasan industri yang besar.

Menurutnya, dari penyelidikan yang dibuat ke atas kerang yang diambil dari kawasan berhampiran dengan Kompleks Perindustrian Prai mendapati tidak terdapat sebarang jangkitan logam melebihi paras yang dapat diterima oleh tubuh manusia.

Bagaimanapun menurut kenyataan itu lagi, Majuikan akan terus mengawasi pencemaran alam di kawasan ini dan di tempat-tempat lain.

Setakat ini, pihak Majuikan sangat berpuas hati kerana kematian kerang-kerang itu bukan disebabkan oleh pencemaran daripada kilang-kilang itu semata-mata, tambahnya.

Rombongan pemilih ke Kelantan dibatal

KUALA LUMPUR 21 Okt. — Rombongan pemilihan Kementerian Pertahanan yang dijadual mengadakan temuduga untuk memilih calon kumpulan buruh kasar telah dibatalkan la, watannya ke Pangkalan Chepa pada 22, 24, 25 dan 26 Oktober ini.

Satu kenyataan Kementerian Pertahanan hari ini berkata, rombongan itu juga dibatalkan lawatannya ke Seberang Takir, Kuala Trengganu pada 27 Oktober ini.

Calon-calon yang telah dipanggil untuk temuduga akan diberitahu tarikh temuduga yang baru kemudian nanti.

AHLI PARLIMEN MALAYSIA DI JERMAN

SEKUMPULAN ahli-ahli Parlimen Malaysia yang diketuai oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Nik Ahmad Kamil telah mengunjungi Republik Persekutuan Jerman atas jemputan Parlimen Negara itu setelah menghadiri persidangan Persatuan Parlimen Komanwel di Canada.

Kelihatan Tan Sri Nik Ahmad Kamil sedang berbalut dengan Presiden Walter Scheel (tengah) semasa kunjungan itu, sementara di kanan sekali ialah Naib Presiden Parlimen Persekutuan Jerman, Dr. Herman Schmidt.



Ramai pensyarah belum kuasai Bahasa Melayu sepenuhnya

SEORANG ketua jabatan di Universiti Malaysia berkata bahawa mahasiswa-mahasiswa sekarang menghadapi kesukaran paling besar disebabkan ramai antara pensyarah belum menguasai bahasa Melayu sepenuhnya.

Prof. Ismail Hussein, Ketua Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka malam, beliau berkata:

"Mereka hanya telah menjalani kursus-kursus kilat atau belajar sendiri, kadangkala hanya se-

KUALA LUMPUR 21 OKT.

mengalami pendidikan bahasa Melayu secara formal.

Berucap di upacara menutup kursus kewar-tawanan dan penulisan kreatif ke-6 anjuran Per-satuan Mahasiswa Uni-versiti Kebangsaan Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka se-malam, beliau berkata:

"Mereka hanya telah menjalani kursus-kursus kilat atau belajar sendiri, kadangkala hanya se-

kadar untuk memenuhi hasrat."

Kerana itu segala penyampaian ilmu itu kerap kali merupakan pengucapan struktur-struktur ayat Inggeris di dalam Bahasa Melayu, dan ini tidak difahami oleh mahasiswa, katanya.

Apabila mahasiswa yang serba bingung diarah untuk merojoki sumber-sumber bahasa Inggeris tanpa panduan yang jelas dari pensyarahnya, sambungnyanya.

Beliau kesal kerana perkara itu tidak pernah ditimbulkan apabila soal akademik, sebaliknya apa yang selalu ditimbulkan ialah penguasaan bahasa Inggeris terutama di kalangan mahasiswanya.

Lemah

"Segala kelemahan mahasiswa dicari salahnya pada kurangnya mereka menguasai bahasa Inggeris, dengan itu mereka tidak dapat merojoki bahan-bahan bacaan yang ditunjuk oleh para pensyarahnya," kata beliau.

Prof. Ismail menafikan kelemahan itu berpunca dari ketidakmampuan menguasai bahasa Inggeris.

Beliau menekankan yang menjadi persoalan mendesak sekarang sebenarnya ialah hal para akademik harus menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di universiti-universiti, atau dalam pengu-capan keilmuannya dan kebudayaannya lebih luas.

"Ini harus dipisahkan daripada masalah bahasa rojokan atau bahasa menimba ilmu pengetahuan dari luar. Yang satu tidak harus memusnahkan kemungkinan yang lain", katanya lagi.

Menurut Prof. Ismail apa yang penting sekarang ialah bagaimana hendak membina bahasa Melayu yang dinamik dan kreatif, bahasa Melayu yang dapat mengucap ilmu pengetahuan dan kebudayaan yang setinggi-tingginya di dalam gaya yang sejas-jelas dan indah-indahnya.

Para pekerja dan majikan diseru wujudkan suasana harmoni

MELAKA, 21 Okt. — Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon menyeru para pekerja dan majikan sentiasa mempunyai hubungan yang baik bagi mewujudkan suasana perusahaan yang lebih harmoni.

Beliau berkata, demikian selepas mengadakan lawatan dan perbincangan dengan majikan dan Jawatankuasa Sekerja Kilang Ngwey (Malaysia) Sdn. Bhd di Tanjung Keling dekat sini petang semalam.

Katanya, beliau telah mendengar beberapa masalah yang ditimbulkan oleh kedua pihak pekerja dan majikan itu dan telah dapat mengatasi beberapa masalah yang ditimbulkan.

Beliau menggesa para pekerja di kilang itu menggunakan sepenuhnya jawatankuasa pekerja itu untuk membincangkan semua perkara bagi kepentingan bersama dan mencari jalan penyelesaian dengan cara yang baik.

Datuk Lee meminta jawatankuasa itu yang mempunyai 20 orang ahli, 14 orang dipilih dari para pekerja dan 6 lagi dari pihak pentadbiran mengadakan pertemuan dari masa ke masa bagi faedah bersama.

Menyentuh tentang gaji, beliau meminta pihak majikan membuat pertimbangan untuk membaiki lagi keadaan gaji pekerja-pekerja kilang tersebut.

Pihak majikan pula telah bersetuju untuk menimbangkan permintannya itu, tegasnya.

Terdahulu dari itu, Datuk Lee dan rombongan telah dibawa melawat ke seluruh bahagian kilang itu dengan diiringi oleh pengurus pemasarannya, Encik H. Sarangabani dan Hamid Gurkha, akan menyertikan malam amal itu.



DATUK LEE SAN CHOON

hasilkan pengeluaran termasuk pin penyemat, butang katup dan tali-tali coli sejak 3 tahun lalu.

Dalam peringkat pertama pengeluarannya sekarang, kilang itu boleh menghasilkan pengeluaran kira-kira \$4 juta setahun dan semuanya di eksport ke seluruh dunia.

Mati jatuh dari traktor

TELUK ANSON, 21 Okt. — Seorang buruh wanita, R. Pespawati 16½ telah terbunuh setelah terjatuh dari traktor yang dinaikinya di Ladang Kuala Bernam, Bagang Datoh jam 8.30 pagi ini kata polis hari ini.

Van berisi barang2 elektrik dilaporkan hilang

KUANTAN, 21 Okt. — Sebuah van dengan sejumlah besar barang-barang elektrik yang ditafsirkan bernilai kira-kira \$11,000 dilaporkan hilang dari tempat letak kereta di Jalan Bukit Ubi di sini malam tadi.

Timbalan Ketua Siasatan Jenayah Pahang Penolong Penguasa Hashim Abdul Majid memberitahu dalam van tersebut mengandungi 200 dosen bateri kering,

kipas angin, keset dan lain-lain alat elektrik.

Menurutnya, seorang jurujual syarikat tersebut, Teng Kong Cheng, 25 tahun dalam aduan kepada polis berkata, dia membawa van itu pukul 7 malam dan meninggalkannya di tempat letak kereta tersebut untuk menonton wayang, bila ia keluar pukul 9 malam tadi didapati van itu telah hilang.

RISDA akan tubuh yayasan pekebun kecil

MELAKA 21 Oktober — RISDA akan menubuhkan yayasan pekebun-pekebun kecil bagi membantu anak-anak pekebun kecil dalam lapangan pelajaran di seluruh negara.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa Hitam berkata, bahawa pihaknya telah bersetuju memberi peruntukan pelancaran sebanyak \$200,000 kepada yayasan itu.

Beliau memberitahu demikian dalam satu majlis tahlil dan ramah mesra dengan pekebun-pekebun kecil Melaka di masjid Bukit Baru dekat sini malam tadi.

Datuk Musa berharap pekebun kecil akan dapat menambah wang bagi yayasan itu demi untuk kepentingan pelajaran anak-anak mereka.

Beliau menjelaskan lagi bahawa RISDA akan membantu menadabirkan yayasan itu dengan kerjasama gabungan pusat pembanguan pekebun-pekebun kecil (PPKK).

Datuk Musa berkata, memang telah menjadi dasar RISDA yang berada di bawah kementerianannya membantu dan membimbing pekebun-pekebun kecil yang kebanyakannya miskin meninggikan lagi taraf hidup mereka.

Salah satu dari caranya ialah dengan mementingkan pelajaran kepada anak-anak mereka supaya anak-anak mereka itu tidak mewarisi cara hidup ibu bapanya sebagai penoreh getah sahaja, ujarinya.

Selain dari itu, RISDA juga telah mengadakan biasiswa bagi anak-anak pekebun kecil di samping mengadakan tiga buah astama bagi murid-murid yang tinggal jauh dari bandar, katanya.

Menyentuh permintaan supaya RISDA menambah bantuan tanaman semula dari \$900 kepada \$1,200, Datuk Musa menjelaskan bahawa pihaknya sedang menimbangkan permintaan itu yang boleh dikatakan disuarakan oleh semua pekebun-pekebun kecil di negeri ini.

Datuk Musa juga memberitahu bahawa beliau akan mengadakan satu mesyuarat khas dengan pengurus-pe-

ngurus MARDEC dan pegawai-pegawai RISDA bagi membincangkan perkara-perkara yang menjadi masalah mereka termasuk harga getah tidak lama lagi.

UKM berusaha wujudkan cara hidup Islam

KUALA LUMPUR 21 Okt. — Universiti Kebangsaan Malaysia sedang menjalankan usaha secara besar-besaran untuk mewujudkan suatu cara hidup yang benar-benar bercorak Islam di kampus-kampusnya di seluruh negara.

Naib Canselor UKM, Tan Sri Dr. Anuar Mahmud berkata, masjid-masjid yang akan dibina di kampus universiti tersebut di Bangi dan di tempat-tempat lain akan dijadikan nadi perkembangan Islam dengan berbagai aktiviti, bukan setakat tempat beribadat semata.

Beliau yang berucap di upacara perasmian kursus pengenalan Islam UKM malam semalam menambah, sebuah jawatankuasa tetap akan dibentuk bagi merancang dan menyatukan segala kegiatan agama bagi memastikan kampus-kampus UKM dapat dijadikan model perkembangan Islam sebagai satu cara hidup.

Usaha-usaha yang sama akan juga dijalankan di fakulti-fakulti perubatan di hospital besar, kampus cawangan di Sabah dan kampus sementara di Jalan Pantai Baru di sini.

Menurut Dr. Anuar, antara aktiviti yang akan dijalankan di masjid-masjid itu adalah seperti perancangan, penyelidikan serta menjadikannya sebagai pusat atau makmal bagi menggerakkan dan melahirkan idea-idea baru ke arah perkembangan Islam.

Latihan Helang Malindo III berjalan lancar

KUANTAN 21 Okt. — Sebuah kapal terbang Albatros Tentera Udara Indonesia gagal menyelamatkan lima orang anggota Tentera Udara Diraja Malaysia yang terapung-apung di Laut China Selatan petang semalam disebabkan angin kencang dan ombak besar.

Melihat keadaan itu pemandu kapal terbang tersebut, Kapten Soedarmadji segera menghubungi helikopter NURI, TUDM yang segera berkejar ke tempat itu dan menyelamatkan kelima-lima orang yang terapung di laut itu.

Peristiwa ini adalah sebahagian dari acara latihan bersama Helang 111 antara TUDM dan TNI-AU yang masuk hari keempat semalam.

Mengikuti perancangan latihan bersama itu, Kapten Soedarmadji dari Skuadron Pengintip Laut TNI-AU mengetahui satu gerakan penyelamat di Laut China Selatan.

Bagaimana pun, kapal terbang tersebut tidak dapat membuat pendaratan di laut kawasan pantai Sungai Karang, kira-kira 22 batu dari sini untuk menyelamatkan kelima-lima orang itu.

Kapten Soedarmadji memberitahu para pemberita bahawa ombak terlalu kuat yang menurut perhitungannya kira-kira tiga meter. Beliau segera menghubungi helikopter NURI.

Satu lagi latihan yang dijalankan semalam ialah kecemasan kapal terbang Sabre dan Branco melepaskan tembakan dari udara ke bumi ke sasaran tertentu. Kedua-dua kapal terbang itu kepunyaan TNI-AU.

Latihan menembak target dari udara itu dilakukan di Kampung Keriang, kira-kira 20 batu dari sini. Di akhir latihan hari keempat Helang



EMPAT buah kapal terbang Sabre kepunyaan TNI-AU membuat penerbangan "Arrow Head" sebelum menembak target di bumi.

Malindo 111 semalam, Marshal Muda Udara Soebroto yang mengetuai TNI-AU memberitahu para pemberita bahawa beliau merasa puas hati tentang latihan kerjasama yang dijalankan.

Latihan Helang Malindo 111 akan berakhir pada hari Isnin ini.

Belanjawan '78 akan dibentang 28 Oktober

KUALA LUMPUR 21 Okt. — Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah akan membentangkan belanjawan negara tahun 1978 di Dewan Rakyat pada 28 Oktober ini.

Setiausaha Dewan Rakyat Datuk Azizul Rahman berkata hari ini, 27 hari telah diperuntukkan bagi membahaskan belanjawan itu.

Dewan Rakyat akan bersidang selama 37 hari mulai Isnin ini.

Datuk Azizul Rahman berkata kira-kira 730 pertanyaan telah diterima dari para ahli untuk sidang kali ini.

Khidmat bas ekspres malam KL—KB dibatal

KUALA LUMPUR, 21 Okt. — Bas Ekspres MARA akan membatalkan perkhidmatan malamnya dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu dan Kota Bharu ke Kuala Lumpur mulai esok memandangkan keadaan berkurung di sana.

Jurucakapnya memberitahu Bernama hari ini perjalanan malam dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur yang dijadualkan bertolak pada pukul 8.30 malam ini juga dibatalkan.

Perkhidmatan malam dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu malam ini yang sepatutnya dibuat oleh tiga buah bas dikurangkan menjadi dua sahaja.

Jurucakap itu memberitahu pihaknya tidak akan menerima tempahan tiket malam mulai esok hingga diberitahu kelak.

Sebuah bas telah bertolak dari sini pagi ini dengan hanya membawa 10 orang penumpang. Bas dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur juga bertolak pada pukul 8 pagi tadi.

Pada hari biasa bas Ekspres MARA mengadakan sebuah bas setiap pagi dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Kota Bharu yang bertolak pada pukul 8 pagi. Pada waktu malam sebanyak empat buah bas disediakan dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur dan tiga buah dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu.

Terjejas

Sementara itu pihak MAS dan Keretapi Tanah Melayu berkata perkhidmatan mereka tidak terjejas akibat perintah berkurung di Kota Bharu dan sambutan daripada para penumpang seperti biasa.

ri ke Kota Bharu pada pukul 10 malam dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu dan pukul 10.20 pagi dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur.


MAS juga mengadakan perkhidmatan setiap hari dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ke Kota Bharu dengan Boeing 737 dan F27. — Bernama.

Malam amal di Kluang

KLUANG 21 Oktober — Majlis Kebajikan Suran Perkhidmatan Kerajaan Johor bersama Persatuan Olahraga Amatur Daerah Kluang akan mengadakan pertunjukan malam amal di padang majlis bandar di sini pada 5 November jam 8.00 malam.

Beberapa orang artis terkenal seperti Latiff Ibrahim, Fatimah Razak, Jamali Shadat, Maureen Chan, V. Sarangabani dan Hamid Gurkha, akan menyertikan malam amal itu.

SATU BICARA INDAH DARI PENGARANG MUDA ZAHARI AFFANDI SECARA BEBAS DAN TERBUKA. BERANI DAN BERTERUS TERANG! KISAH ORANG KUALA LUMPUR Kini Dalam Pasaran!!!



harga senaskah: \$3.50*

- Benarlah hidup di KL hampir kepada bau-bauan di syurga, kalau pun tidak syurga sepenuhnya?
Benarlah hidup di KL hampir kepada duri-duri neraka, kalau pun tidak neraka seluruhnya?
Mendedahkan suka-duka, pahit-manis, menang dan tragedi penghuni Kuala Lumpur. Dirangkum dalam episode popular reading yang sungguh unik dan realistik.

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BERHAD, 5 & 5A, Jalan Medan Tuanku, Kuala Lumpur. Tel: 25140 & 203672. Bersama ini saya sertakan kiriman wang pos sebanyak \$..... untuk buku yang bertajuk 'Kisah Orang Kuala Lumpur'. Nama: Alamat: